

Mahasiswa tolak politik kebencian

KUALA LUMPUR 10 Dis. - Golongan mahasiswa dan anak muda menolak politik kebencian seperti yang ingin diperkenalkan portal pro-pembangkang yang ghairah menghina dan menyebarkan fitnah terhadap kepimpinan negara yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Aida Fitri Peli berkata, perbuatan menghina pemimpin melalui media boleh memberi imej buruk kepada negara.

“Setiap teguran yang disampaikan haruslah mengikut saluran dan cara yang betul supaya kandungannya tidak mempengaruhi pembaca ke arah yang negatif.

“Sebagai mahasiswa pula, untuk mencapai aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang ingin melahirkan generasi muda yang matang, kita perlu bijak menilai berita yang dipaparkan dengan menyelidik kesahihan berita tersebut dengan pelbagai sumber,” katanya ketika di-

hubungi di sini hari ini.

Sementara itu, Presiden MPP Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Adib Ashman Burhan Burhanudin pula berkata, putar belit, provokasi dan tohmahan liar yang menjadi isi laporan portal tersebut perlu ditolak untuk mewujudkan situasi politik yang lebih adil di negara ini.

“Jika laporan yang disampaikan itu bebas daripada unsur-unsur sebegini, pembaca terutamanya golongan mahasiswa boleh membuat penilaian yang lebih baik terhadap laporan tersebut.

“Sekiranya mahu mengkritik, berilah kritikan yang membina, bukan menghina,” katanya.

Mingguan Malaysia hari ini melaporkan gesaan dua perwakilan dalam Perhimpunan Agung UMNO 2017 supaya pihak berwajib tidak membiarkan mana-mana portal berita propembangkang sewenang-wenangnya membuat kenyataan yang memfitnah dan menghina Datuk Seri Najib Tun Razak dan kerajaan.